



PERBADANAN TAMAN NEGERI PAHANG

IKLAN JAWATAN KOSONG

(Bilangan Iklan : 1/2022)

Perbadanan Taman Negeri Pahang (PTNP) mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut :

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	GRED	TARAF JAWATAN
1.	Pengurus Operasi	Pertanian	G48	Kontrak
2.	Pegawai Strategi Perniagaan dan Pelaburan	Pentadbiran dan Sokongan	N44	Kontrak
3.	Pegawai Kewangan	Kewangan	W41	Kontrak
4.	Penolong Pegawai Tadbir	Pentadbiran dan Sokongan	N29	Kontrak
5.	Pembantu Setiausaha Pejabat	Pentadbiran dan Sokongan	N19	Kontrak

A. SYARAT-SYARAT

1. **PENGURUS OPERASI GRED G48 (KONTRAK)**

(1 KEKOSONGAN)

GAJI : RM 5,123.00 (MINIMUM)- RM 11,639.00 (MAKSIMUM)

SYARAT LANTIKAN :

- I. Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang dari 35 tahun; dan
- II. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perhutanan / alam sekitar / tanah / pengurusan perniagaan / pengurusan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi atau kelayakan setaraf dengannya.

SYARAT KHAS :

- I. Pengalaman kerja dalam bidang berkaitan minimum 10 tahun;
- II. Mempunyai sifat kepimpinan yang cemerlang, positif, kreatif, inovatif dan berkeyakinan tinggi; dan
- III. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

DESKRIPSI TUGAS :

- I. Bertanggungjawab terhadap operasi, penguatkuasaan dan penyelidikan di Taman-Taman Negeri;
- II. Menguruskan kutipan hasil dan menetapkan kadar bayaran atau fi yang berkaitan bagi kawasan Taman-Taman Negeri serta memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan di kawasan Taman-Taman Negeri; dan
- III. Memastikan pemeliharaan flora dan fauna yang terdapat di dalam kawasan Taman-Taman Negeri.

**2. PEGAWAI STRATEGI PERNIAGAAN DAN PELABURAN GRED N44 (KONTRAK)
(1 KEKOSONGAN)
GAJI : RM 3,551.00 (MINIMUM) – RM 10,406.00 (MAKSIMUM)**

SYARAT LANTIKAN :

- I. Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang dari 35 tahun; dan
- II. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang komunikasi / pelaburan / pemasaran / pembangunan perniagaan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi atau kelayakan setaraf dengannya.

SYARAT KHAS :

- I. Pengalaman kerja dalam bidang berkaitan minimum 3 tahun;
- II. Mempunyai sifat kepimpinan yang cemerlang, komited, berintegriti, berwawasan dan profesional; dan
- III. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

DESKRIPSI TUGAS :

- I. Merancang strategi bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan pembangunan Perbadanan Taman Negeri Pahang;
- II. Mengadakan kerjasama dengan sektor swasta bagi menarik pelaburan untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan serta membangunkan lebih banyak produk dan perkhidmatan pelancongan yang inovatif; dan
- III. Menggalakkan aktiviti promosi dan publisiti di peringkat domestik dan antarabangsa.

**3. PEGAWAI KEWANGAN GRED W41 (KONTRAK)
(1 KEKOSONGAN)
GAJI : RM 2,094.00 (MINIMUM) - RM 9,585.00 (MAKSIMUM)**

SYARAT LANTIKAN :

- I. Warganegara Malaysia;
- II. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perakaunan / kewangan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi atau kelayakan setaraf dengannya;
- III. Lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; dan
- IV. Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).

SYARAT KHAS :

- I. Pengalaman kerja dalam bidang pengurusan kewangan atau bidang berkaitan adalah diberi keutamaan;
- II. Mempunyai sifat kepimpinan yang cemerlang, komited, berintegriti, berwawasan dan profesional; dan
- III. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

DESKRIPSI TUGAS :

- I. Bertanggungjawab memastikan kawalan dari segi kewangan iaitu hasil dan perbelanjaan Perbadanan;
- II. Menyediakan belanjawan dan menguruskan peruntukan Perbadanan serta menguruskan akaun Dana Perbadanan secara cekap dan telus; dan
- III. Menguruskan perbelanjaan Perbadanan dan menyediakan serta menyimpan rekod-rekod serta dokumen-dokumen kewangan Perbadanan.

**4. PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29 (KONTRAK)
(1 KEKOSONGAN)
GAJI : RM 1,493.00 (MINIMUM) – RM 5,672.00 (MAKSIMUM)**

SYARAT LANTIKAN :

- I. Warganegara Malaysia; dan
- II. Memiliki sekurang-kurangnya Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) / Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- III. Diploma dalam bidang pentadbiran / sumber manusia / pengurusan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT KHAS :

- I. Pengalaman kerja dalam bidang pentadbiran dan sumber manusia atau bidang berkaitan adalah diberi keutamaan;
- II. Berkebolehan melaksanakan pentadbiran dan sumber manusia di peringkat kumpulan pelaksana; dan
- III. Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif, bertanggungjawab dan berkeyakinan tinggi.

DESKRIPSI TUGAS :

- I. Bertanggungjawab terhadap hal-hal pentadbiran Perbadanan;
- II. Menguruskan hal-hal berkaitan surat-menyurat Perbadanan serta memantau urusan rekod, fail dan dokumentasi Perbadanan; dan
- III. Bertanggungjawab membantu pengurusan dan pembangunan sumber manusia Perbadanan seperti urusan pengambilan kakitangan, penstrukturan semula Perbadanan, pertukaran kakitangan, latihan, kursus dan tatatertib.

**5. PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N19 (KONTRAK)
(1 KEKOSONGAN)**

GAJI : RM 1,352.00 (MINIMUM) – RM 4,003.00 (MAKSIMUM)

SYARAT LANTIKAN :

- I. Warganegara Malaysia;
- II. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- III. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan.

SYARAT KHAS :

- I. Sekurang-kurangnya Gred B dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan; dan
- II. Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif, bertanggungjawab dan berkeyakinan tinggi.

DESKRIPSI TUGAS :

- I. Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di Pejabat Ketua Eksekutif Perbadanan berjalan lancar;
- II. Menjalankan tugas-tugas keurusetiaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail dan memastikan semua keperluan rasmi Ketua Eksekutif dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi; dan
- III. Bertanggungjawab ke atas fail sulit dan rahsia Perbadanan serta urusan rasmi Ketua Eksekutif.

B. CARA-CARA MEMOHON :

- I. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang PTNP.500-3/1/1 (1)** yang boleh diperolehi daripada Pejabat Perbadanan Taman Negeri Pahang. Borang permohonan juga boleh diperolehi dengan muat turun dari laman sesawang **<https://www.pahang.gov.my>**;
- II. Hanya satu permohonan sahaja yang dibenarkan bagi satu jawatan yang dipohon;
- III. Permohonan hendaklah disertakan bersama *resume*, sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan, sijil berhenti sekolah, sijil lahir, sijil SPM, Diploma, Ijazah dan lain-lain sijil berkaitan (setiap salinan sijil hendaklah diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional ke atas atau Penghulu Mukim atau Guru Besar/ Pengetua);
- IV. Bagi kelayakan Sijil/Diploma/Ijazah perlu dilampirkan pengiktirafan kelayakan perkhidmatan awam melalui laman web dan dihantar bersama borang permohonan;
- V. Permohonan yang lewat diterima, tanpa *resume*, tanpa gambar dan tanpa dokumen-dokumen lengkap serta tidak mengikut syarat/peraturan akan **DITOLAK**;
- VI. Permohonan yang telah lengkap boleh dihantar melalui e-mel kepada alamat **ptnp@pahang.gov.my**. Borang dan dokumen yang dihantar melalui e-mel hendaklah dalam bentuk *PDF*; dan
- VII. Permohonan secara serahan tangan atau melalui pos boleh dihantar ke alamat seperti berikut :

Ketua Eksekutif
Perbadanan Taman Negeri Pahang
d/a Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang,
Tingkat 4, Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 KUANTAN
Pahang Darul Makmur.

No. Tel : 09-5126715/09-5126722

C. TERMA DAN SYARAT JAWATAN :

Jawatan ini berstatus kontrak. Gaji, elaun dan syarat jawatan yang lain adalah tertakluk kepada pertimbangan serta kelulusan Anggota Perbadanan Taman Negeri Pahang.

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

05 MEI 2022 (KHAMIS).

Hanya calon-calon yang berkelayakan dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga. Mereka yang tidak dihubungi selepas 1 bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.



PERBADANAN TAMAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 4, BLOK B, WISMA SRI PAHANG
25503 KUANTAN, PAHANG
Tel: 09-5126715/09-5126722 Fax: 09-5156327
ptnp@pahang.gov.my.

PTNP.500-3/1/1 (1)

BORANG PERMOHONAN JAWATAN KOSONG

Sila lekatkan gambar
yang terbaru

GAMBAR TIDAK
DIKEMBALIKAN

Untuk kegunaan Pejabat

*Nota: *Sila isikan borang ini dengan lengkap dengan menyertakan:*

Salinan Kad Pengenalan, Sijil-sijil Kelulusan, Resume dan keperluan yang dinyatakan didalam iklan jawatan kosong PTNP.

BAHAGIAN A.

1. JAWATAN YANG DIPOHON											
Sila tulis nama jawatan yang dipohonkan.			Bilangan Iklan : Tarikh Tutup Iklan (dd/mm/yyyy):								
2. MAKLUMAT PERIBADI											
Nama Penuh (Dalam Huruf Besar) :				No. Kad Pengenalan :							
Alamat:											
				Poskod: <table border="1"><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>							
No. Tel Rumah :			No. Tel Pejabat :								
No. Tel Bimbit :			E-mel :								
Tarikh Lahir (DD-MM-YY):		Tempat Lahir :		Bangsa :							
Jantina: (✓)	Lelaki	Perempuan	Umur Pada Tarikh Permohonan Ditutup :								
Agama:		Warganegara :		Kelas Lesen Memandu :							
Status Perkahwinan :			No. KWSP : (Jika Ada)								
3. MAKLUMAT KELUARGA											
Nama Penuh		Tarikh Lahir (DD-MM-YY)	Warganegara	Pekerjaan	Alamat Tempat Bekerja						
Bapa Pemohon :											
Ibu Pemohon :											
Isteri/Suami Pemohon :											
Keterangan Anak :	Nama Penuh	Tarikh Lahir (DD-MM-YY)	No Kad Pengenalan	Jantina	Sekolah						

4. KELULUSAN AKADEMIK (Sila sertakan salinan sijil kelulusan)																		
Nama Kelulusan dan Tempat Pengajian		Keputusan Sila Masukkan Gred Kelulusan dan Mata Pelajaran								Tarikh Lulus (Sila Rujuk Tarikh Sijil)								
a.	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya Nama Sekolah/Maktab : Bidang Kelulusan : Pangkat/Gred/Kelas/CGPA : Tahun/Diperoleh :																	
b.	Diploma atau yang setaraf dengannya Nama Institusi Pengajian : Bidang Kelulusan :																	
c.	Ijazah Sarjana Muda (Bachelor Degree) Nama Institusi Pengajian : Bidang Kelulusan :																	
d.	Kelulusan yang lebih tinggi yang bersesuaian/Ijazah Sarjana/PhD Nama Institusi Pengajian : Bidang Kelulusan :																	
5. PEPERIKSAAN LAIN/PROFESIONAL (Sila sertakan salinan sijil kelulusan)																		
Nama Peperiksaan/Profesional lain							Tarikh Lulus/Tarikh Keahlian (DD/MM/YY)											
1.																		
6. KEBOLEHAN MENULIS DAN BERTUTUR							Bertutur				Menulis				Membaca			
1- Sederhana, 2- Baik, 3 – Sangat Baik , 4- Cemerlang							1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
Bahasa Melayu																		
Bahasa Inggeris																		
Sila nyatakan jika ada Bahasa yang lain:																		

7. MAKLUMAT PEKERJAAN SEKARANG (Jika Bekerja)				
Nama jawatan :				
Taraf Jawatan :				
Alamat Majikan :				
Tarikh Lantikan :	Gred Gaji :	Gaji Sebulan :	Elaun-Elaun :	Butir-Butir Mengenai Pekerjaan :
8. PENGALAMAN PEKERJAAN (Sila senaraikan mengikut tarikh yang terkini. Jika ruangan tidak mencukupi, sila sertakan dalam kertas tambahan)				
Dari (DD-MM-YY)	Hingga (DD-MM-YY)	Nama Jawatan dan Tempat bertugas		
9. PENGAKUAN				
<p>Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di dalam borang ini dan di dalam kertas yang disertakan adalah benar sejauh mana yang saya ketahui dan percaya saya tidak sengaja menyembunyikan sebarang kenyataan.</p>				
<p>..... Tandatangan Pemohon</p>		<p>..... Tarikh</p>		

BAHAGIAN B. LAPORAN KETUA JABATAN

1. (Jika pemohon sedang berkhidmat dengan Kerajaan sahaja)

Sila isikan ruang di bawah ini bagi sokongan laporan Ketua Jabatan dengan menyertakan laporan prestasi di tahap "Sangat Baik" bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Nama pemohon yang disokong :

Jawatan pemohon :

Maklumat Ketua Jabatan

Nama :

Jawatan :

Jabatan dan Kementerian :

Tandatangan dan Cop Jabatan :

Sila hantar sokongan / laporan Ketua Jabatan dan salinan asal ke alamat :

**Ketua Eksekutif
Perbadanan Taman Negeri Pahang
Tingkat 4, Blok B, Wisma Sri Pahang
25503 Kuantan, Pahang Darul Makmur**